

MEMIMPIN TIDAK ADA SOKONGAN LEMAH — DR. M

M.M. 22 APR 1984

MERSING 21 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, bahawa "pemimpin yang tidak mempunyai sokongan dari pengikutnya dianggap lemah dan bukan pemimpin yang sebenar."

"Bagaimanapun, perkara itu tidak berlaku dalam kepimpinan UMNO sekarang yang sentiasa teguh mendapat kepercayaan daripada anggota-anggotanya," katanya.

"Ini kerana dalam kepimpinan UMNO tidak ada berlaku sistem memecahbelahkan kuasa sebagaimana yang berlaku di negara-negara lain," tambahnya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Tenggara di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Ada Presiden sesebuah negara yang mengemukakan sesuatu pendapat tetapi pendapat itu bukan merupakan suara rakyat yang dipimpin."

Contohnya: "Presiden mahukan kedutaannya dikikalkan di Tel Aviv dan tidak dipindahkan ke Baitulmuqaddis, tetapi pendapat Dewan Senatnya berlainan pula."

Di Malaysia, kata beliau, lebih-lebih lagi dalam UMNO walaupun terdapat setengah-setengah ahli UMNO tidak bersejua dengan pendapat pucuk pimpinan tetapi mereka patuh kepada keputusan majoriti.

Dalam UMNO, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, "yang penting bukannya saya tetapi adalah sokongan daripada setiap ahli UMNO dalam setiap keputusan yang dibuat."

Beliau mengingatkan "jika kita berpecahbelah tanpa sokongan yang kuat parti dan bangsa juga akan hancur lebur."

Bagaimanapun, UMNO Johor patut di-

jadikan contoh kerana suasana menjelang perhimpunan agung parti sekarang tidak berlaku sebarang perebutan kuasa kecuali kalau ada pun cuma di tujuh bahagian saja dan ini merupakan pertandingan yang sihat.

UMNO Johor, katanya, adalah sebagai tunjang kekuatan UMNO Malaysia kerana lebih suku juta orang Melayu di negeri ini menjadi ahli UMNO.

Perdana Menteri juga menekankan dalam kepimpinan UMNO sekarang perlu menerapkan nilai-nilai hidup baru yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam termasuk mengubah sikap ke arah dasar-dasar yang telah digariskan oleh kerajaan selama ini

Antaranya, nilai yang tidak bertentangan dengan nilai Islam itu ialah kuat bekerja, lebih bersih, lebih cekap dan lebih amanah dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara.

Mengikut sejarah, katanya, bangsa yang mempunyai nilai hidup yang tinggi akan hidup gagah dan bangsa yang nilai hidupnya rendah akan musnah.

Orang Melayu, kata Perdana Menteri, sedia mempunyai adat resam, sopan santun yang tinggi daripada segi moralnya, sebab itu, "kita berjaya dalam semua lapangan."

"Atas kekuatan dan perpaduan berdasarkan kesopanan itu bangsa Melayu berjaya menebus maruahnyanya daripada penjajah British bukan sbja menggagalkan Malayan Union tetapi juga merebut kemerdekaan dengan mudah," ujar beliau lagi.

"UMNO sebagai satu kumpulan pemimpin masyarakat bukan saja perlu menerapkan nilai-nilai ini sepenuhnya tetapi harus menjaga imej.

"UMNO sebagai kumpulan masyarakat, pemimpin bangsa daripada setiap go-

longan mempunyai peranan menerapkan nilai-nilai sesuai dengan Islam," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya berkata, sebab itu UMNO harus menjadi contoh dengan menjaga imej parti dan bangsa dan tidak melalaikan tanggungjawab jika tidak seluruh masyarakat Melayu akan menjadi buruk.